

Headline **Sasar 60,000 miliki PhD**
Date **19 Apr 2011**
MediaTitle **Harian Metro**
Section **Setempat**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **324,097 / 1,981,000**

Language **Malay**
Page No **29**
Article Size **208 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **5,981**
PRValue **17,943**



Sasar 60,000 miliki PhD

Usaha capai wawasan negara berasaskan pengetahuan

Idris Musa

PUTRAJAYA: Kerajaan menyasar untuk melahirkan 60,000 pemegang Ijazah Doktor Falsafah (PhD) menjelang 2023, kata Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin.

Menurutnya, sasaran itu selaras tindakan kerajaan untuk melahirkan lebih ramai rakyat mempunyai tahap pendidikan tinggi kerana negara tidak boleh berpuas hati jika ramai rakyat hanya memiliki ijazah pertama.

“Hasrat kerajaan menjadikan Malaysia sebuah negara berasaskan pengetahuan dan inovasi yang memerlukan rakyat menguasai ilmu dan kemahiran tinggi serta berfikir kritikal,” katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Pelancaran Program Khas Pascasiswazah Untuk Ahli Parlimen anjuran Universiti Utara Malaysia (UUM) di Hotel Marriott, di sini, semalam.

Hadir sama, Naib Canselor UUM, Prof Datuk Dr Mo-



MOHAMED KHALED...capai tahap pendidikan tinggi

hamed Mustafa Ishak dan Ahli Parlimen berkenaan.

Mohamed Khaled berkata, melalui Rancangan Malaysia Ke-10 kerajaan memperuntukkan RM2.68 bilion bagi pembiayaan pengajian lanjutan untuk rakyat.

“Peruntukan pembiayaan itu disalurkan melalui empat program seperti Program Pembiayaan Pengajian Ijazah Sarjana Dalam Negara (MyMaster), Program Pembiayaan Pengajian Ijazah Kedoktoran Dalam Negara (MyPhD), Program PhD Industri dan Program Skim La-

tihan Akademik Institusi Pengajian Tinggi Awam (SLAI),” katanya.

Beliau berkata, melalui peruntukkan RM2.68 bilion ini untuk tempoh lima tahun iaitu dari 2011 hingga 2015 negara meletakkan sasaran seramai 5,000 graduan dilahirkan dalam projek MyPhD, selain 40,000 graduan untuk projek MyMaster, 500 graduan untuk PhD Industri dan 9,700 graduan untuk SLAI.

Mohamed Khaled berkata, pihaknya menyambut baik semangat dan komitmen wakil rakyat untuk terus belajar, sekali gus menunjukkan contoh dan teladan yang baik kepada rakyat untuk membudayakan ilmu sepanjang hayat.

“Tetapi tidak semestinya semua wakil rakyat mesti melalui benda sama (melanjutkan pelajaran). Kalau ada di kalangan mereka yang ingin meningkatkan ilmu, kita mengalu-alukan kerana ia selari dengan hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai negara berasaskan pengetahuan dan inovasi,” katanya.